

Jadilah pencipta teknologi: PM

Malaysia jangan ketinggalan bidang saintifik

Oleh Veena Rusli

SERIKEMBANGAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, budaya dan tradisi pengetahuan saintifik perlu dibentuk berserta mekanisme sokongan untuk pemasaran idea bagi membolehkan pengembangan inovasi berlaku pada kadar memberangsangkan.

Untuk tujuan itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia memerlukan golongan yang mempunyai kepelbagaian perspektif dan persekitaran sesuai bagi membolehkan pertukaran pandangan serta percambahan fikiran dilakukan secara terbuka dan jujur.

"Malaysia masih ketinggalan dalam bidang berkaitan sains dan teknologi, maka kita mesti meningkatkan pembangunan keupayaan menertisi inovasi dan penjana pengetahuan jika mahu mengekalkan daya saing pada masa akan datang.

"Ketika ini, Malaysia cuma berada di tangga ke-24 dunia dari segi perbelanjaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KJDNK) bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Kita mesti bergerak menjadi pencipta teknologi dan bukannya kekal sebagai pengguna semata-mata, malah matlamat Wawasan 2020 mungkin sukar dicapai sepenuhnya jika kemampuan meningkatkan inovasi tidak dimulakan dari sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan penghargaan selepas menerima anugerah Sijil Felo Kehormat Anugerah Sains Malaysia (ASM) yang disampaikan



PENGHARGAAN: Yang di-Pertuan Agong menyampaikan anugerah Sijil Felo Kehormat Anugerah Sains Malaysia kepada Abdullah di Kuala Lumpur, semalam.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail sempena ulang tahun ke-10 ASM di sini, malam tadi.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid. Hadir sama bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Yang di-Pertuan Agong turut me-

nyampaikan anugerah Kecemerlangan Saintifik ASM Menghargai Dr Mahathir kepada Prof John Shepard Mackenzie dari Curtin University of Technology, Australia.

Abdullah berkata, ASM perlu memanfaatkan kepakarannya dalam mendapatkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang ke arah pembentukan satu dasar menyeluruh untuk pertimbangan kerajaan.